

19/08/1998

Cukai tidak naik (HL)

Jamhariah Jaafar; Faizal Fadzil; Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan tidak bercadang menaikkan cukai dalam Belanjawan Negara 1999 yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat, Oktober ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, adalah tidak adil untuk mengenakan kenaikan cukai kepada rakyat ketika kedudukan ekonomi negara tidak begitu memberangsangkan sekarang.

"Kerajaan tak nak naikkan cukai masa orang tengah payah, tengah susah dan tidak ada duit. Macam mana kita nak cukai rakyat, sepatutnya kita kurangkan cukai.

"Inilah apa yang IMF (Tabung MataWang Antarabangsa) hendak kita buat, cukai rakyat lebih tinggi, kurangkan kredit dan naikkan kadar faedah, tetapi kita tidak boleh buat begitu," katanya.

"Saya tidak tahu apa yang boleh kita lakukan tetapi kita perlu fikir sesuatu," katanya kepada pemberita selepas perhimpunan perpaduan sempena Hari Pekerja di sini, hari ini. Turut hadir ialah Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek.

Beliau ditanya sama ada menaikkan cukai antara langkah drastik yang mungkin diambil kerajaan untuk memulihkan kedudukan ekonomi negara yang semakin serius.

Ahad lalu, Perdana Menteri meminta rakyat bersedia menerima beberapa lagi tindakan kerajaan, yang mungkin di luar dugaan, bagi memulihkan kegawatan ekonomi sekarang.

Diminta mengulas lanjut mengenai kenyataan itu, Dr Mahathir berkata selepas pelbagai langkah dilaksanakan dan turut dianggap drastik, kerajaan kini mengkaji beberapa langkah lain termasuk mencontohi pengalaman Hong Kong dan Taiwan.

"Sejak kegawatan ekonomi tahun lalu kerajaan sudah memperkenalkan banyak langkah seperti jimat berbelanja, berdagang dalam mata wang sendiri dan tidak mengimport.

"Semua ini adalah langkah drastik, tetapi kerajaan mendapati walaupun ia berkesan jika dilihat sehingga sekarang kita belum lagi terpaksa meminta bantuan, tapi ia tidak cukup untuk memulihkan ekonomi ... jadi kita perlu memikir beberapa langkah lain.

"Antara kajian sedang dilakukan ialah pertama mengenai langkah Hong Kong membeli saham di pasarannya, serta cara Taiwan yang mengenakan moratorium kepada bank, iaitu tidak menjual saham apabila nilainya jatuh daripada nilai yang diberi pinjaman," katanya.

Sambil membayangkan semua langkah itu mungkin dibentangkan dalam belanjawan akan datang, Perdana Menteri berkata keadaan ekonomi negara kini sudah sampai di tahap 'ganjil' kerana aset kebanyakan syarikat lebih banyak daripada nilai syarikat mengikut saham.

"Kadang-kadang tunai yang ada pada syarikat lebih jumlahnya daripada nilai saham. Dengan itu syarikat ini kalau terlalu murah sahamnya dan jatuh ke tangan orang asing, mereka akan melakukan asset sweeping iaitu beli syarikat itu, kemudian jual semua hartanya, ambil untung dan tutup syarikat itu.

"Ini yang kita takut kerana kita nampak jelas bahawa pasaran saham sudah tidak lagi mempunyai kebolehan untuk menentukan nilai syarikat yang sebenar.

"Dulu ia naik terlalu tinggi, sekarang turun terlalu banyak, sehingga kalau kita lihat jumlah aset yang ada pada syarikat, asetnya kadang-kala

lima kali ganda lebih daripada nilai mengikut nilai saham," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan, keputusan Tabung Haji untuk membeli beberapa syarikat besar yang penting kepada negara bagi membantu kerajaan mempertahankan pegangan ekuiti tempatan daripada terlepas ke tangan asing, satu daripada langkah memulihkan ekonomi.

"Kita sedang mengkaji (perkara itu) tetapi yang penting ialah jika sambutan rakyat tidak mencukupi, langkah apapun tidak boleh berjaya.

"Sebab itu saya memberi pesanan kepada rakyat supaya bersedia untuk menyambut rancangan kerajaan," katanya.

Menurut Perdana Menteri, wang Tabung Haji akan digunakan mengikut peraturan.

"Jadi kalau kita ada duit lebih kita mungkin boleh membeli saham dan cuba menaikkan nilai saham.

"Ini kerana jika saham turun, ia turun kerana ada pihak yang berhajat untuk mengambil alih syarikat kita dengan harga murah. Umpamanya, kalau syarikat sahamnya jatuh 50 sen, iaitu 50 sen duit kita, dalam duit asing nilainya lebih kurang 20 sen saja ... mereka boleh ambil alih syarikat ini dan ambil semua aset dan jual bagi mendapat keuntungan," katanya.

(END)